PERADUAN PENGUNJUNG BERTUAH (HARIAN & UTAMA)

MSAM 2026 | STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR | 27–29 NOVEMBER 2026

SYARAT-SYARAT DAN TERMA

1. Peraduan ini terbuka kepada pengunjung Minggu Saham Amanah Malaysia 2026 (“MSAM 2026”) yang merupakan WARGANEGARA Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas serta bukan seorang yang telah diisytiharkan BANKRAP di bawah Akta Kebankrapan 1967. Kakitangan Syarikat Kumpulan Permodalan Nasional Berhad (“PNB” atau “Penganjur”), mana-mana Syarikat Pelaburan Teras (Syarikat penerima pelaburan yang mana PNB mempunyai pegangan ekuiti melebihi 10% atau jumlah pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion dalam syarikat berkenaan) dan Strategik PNB (Syarikat penerima pelaburan yang mana PNB dan dana amanah saham kendaliannya mempunyai pegangan majoriti atau merupakan pemegang saham tunggal terbesar), ahli keluarga terdekat mereka, ejen-ejen, wakil, serta mana-mana kontraktor yang berkaitan dengan MSAM 2026 TIDAK DIBENARKAN menyertai peraduan ini.

2. Penyertaan adalah PERCUMA dan tiada sebarang bayaran dikenakan.

3. Peraduan akan berlangsung di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur (“Tapak MSAM 2026”) sepanjang tempoh berikut (“Tempoh Peraduan”):

No.	Kategori Peraduan	Tarikh	Masa
a.	Peraduan Pengunjung Bertuah HARIAN	27–28 November 2026	9.00 pagi – 11.00 malam
	Peraduan Pengunjung Bertuah HARIAN	29 November 2026	9.00 pagi – 3.00 petang
b.	Peraduan Pengunjung Bertuah UTAMA	27–28 November 2026	9.00 pagi – 11.00 malam
	Peraduan Pengunjung Bertuah UTAMA	29 November 2026	9.00 pagi – 3.00 petang

4. Untuk menyertai peraduan, pengunjung hendaklah:
   - mendaftar di Tapak MSAM 2026 dan menerima pasport fizikal daripada penganjur;
   - melawat reruai-reruai yang ditetapkan serta mendapatkan cop yang diperlukan;
   - melengkapkan butiran pada kupon cabutan bertuah yang terdapat pada pasport;
   - dan menyerahkan pasport kepada kakitangan yang bertugas untuk mengoyakkan kupon tersebut, sebelum peserta memasukkannya ke dalam peti penyertaan yang disediakan sebelum tamat Tempoh Peraduan yang berkenaan.

5. Penyertaan yang tidak lengkap, tidak jelas, lewat, rosak, diubah suai, mempunyai butiran palsu atau tidak memenuhi keperluan cop boleh dibatalkan oleh Penganjur.

6. Pemenang akan dipilih melalui kaedah cabutan kupon fizikal. Cabutan akan dilaksanakan oleh wakil Penganjur dan/atau syarikat penaja dan/atau wakil-wakil yang berkenaan serta disaksikan dan diaudit oleh juruaudit dalaman dan/atau juruaudit luar. Pemenang tertakluk kepada semakan latar belakang dan pengesahan oleh Penganjur.

7. Cabutan dan pengesahan pemenang dijadualkan seperti berikut:

Kategori	Tarikh	Masa Pengesahan	Panel / Saksi
HARIAN	27–28 November 2026	8.00 malam	Ahli jawatankuasa MSAM; wakil syarikat penaja; wakil PNB/ASNB; juruaudit dalaman/luar

Kategori	Tarikh	Masa Pengesahan	Panel / Saksi
HARIAN	29 November 2026	3.00 petang	Ahli jawatankuasa MSAM; wakil syarikat penaja; wakil PNB/ASNB; juruaudit dalaman/luar
UTAMA	29 November 2026	3.00 petang	Ahli Jawatankuasa MSAM; Setiausaha Kerajaan Negeri/ Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri/ Pegawai Daerah /Datuk Bandar; wakil syarikat penaja; wakil PNB/ASNB; juruaudit dalaman/luar

8. Hadiah yang ditawarkan bagi peraduan ini merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, hadiah-hadiah berikut, tertakluk kepada sebarang pertukaran:

Kategori	Hadiah
HARIAN	Kereta, motosikal, telefon pintar, televisyen, tablet, barangan elektrik dan hadiah lain yang ditentukan oleh Penganjur.
UTAMA	Rumah, kereta dan pakej pelancongan.

9. Pemenang terpilih akan menerima hadiah di atas pentas. Pemenang lain boleh menuntut hadiah di reruai Peraduan sepanjang MSAM 2026. Penyampaian hadiah adalah tertakluk kepada jadual acara dan pengesahan Penganjur.

10. Bagi kategori HARIAN, hanya penyertaan yang diterima pada hari berkenaan layak untuk cabutan dan hadiah pada hari tersebut. Pengunjung hanya layak memenangi SATU (1) hadiah sepanjang Tempoh Peraduan, melainkan ditentukan sebaliknya oleh Penganjur.

11. Hadiah tidak boleh ditukar kepada wang tunai, dipindah milik atau digantikan, kecuali sebagaimana ditentukan oleh Penganjur.

12. Pemenang akan dihubungi melalui nombor telefon dan/atau butiran hubungan yang diberikan dalam kupon penyertaan. Pemenang hendaklah memberikan dokumen atau maklumat yang munasabah untuk tujuan pengesahan identiti, kelayakan dan semakan latar belakang.

13. Hadiah mesti dituntut dalam tempoh dan di lokasi yang ditetapkan oleh Penganjur. Hadiah yang tidak dituntut selepas tamat tempoh tersebut akan dianggap LUPUT.

14. Pengunjung yang telah diisytiharkan bankrap di bawah Akta Kebankrapan 1967 tidak layak menyertai atau memenangi hadiah. Penganjur berhak membatalkan atau menarik balik hadiah yang dimenangi oleh individu tersebut.

15. Dengan menyertai peraduan ini, peserta BERSETUJU membenarkan Penganjur dan/atau penaja MSAM 2026 menggunakan MAKLUMAT PERIBADI yang diberikan. Maklumat tersebut akan disimpan dan diproses mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, peraturan, garis panduan, perintah dan pindaan yang berkuat kuasa, serta undang-undang berkaitan, bagi pengurusan peraduan, pengesahan pemenang, analisis pasaran,

pengiklanan, perdagangan dan/atau publisiti. Peserta tidak berhak menuntut pemilikan atau pampasan bagi bahan tersebut.

16. Dengan menyertai peraduan ini, peserta dianggap BERSETUJU mematuhi syarat-syarat dan terma ini. Penganjur berhak menukar atau meminda mana-mana syarat atau terma tanpa notis terlebih dahulu, dan peserta bersetuju mematuhi pindaan tersebut.

17. Keputusan Penganjur dan panel cabutan adalah MUKTAMAD. Sebarang surat-menyurat atau bentuk komunikasi berkaitan keputusan tidak akan dilayan. Penganjur berhak membatalkan kemenangan yang melanggar syarat-syarat dan terma ini dan/atau undang-undang Malaysia.

18. Peserta dan/atau warisnya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan, termasuk kehilangan nyawa, akibat penyertaan, tuntutan dan/atau penggunaan hadiah, serta bersetuju melepaskan Penganjur daripada liabiliti setakat yang dibenarkan undang-undang.

19. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi, cukai, fi dan/atau perbelanjaan lain berkaitan penyertaan dan tuntutan hadiah adalah tanggungjawab peserta sepenuhnya.

20. Syarat-syarat dan terma ini mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan peraduan yang terkandung dalam bahan promosi bercetak atau elektronik.

21. Peraduan ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia.

22. Sekiranya terdapat percanggahan atau konflik antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, versi Bahasa Inggeris akan terpakai.

PERADUAN PENGUNJUNG BERTUAH (HARIAN & UTAMA)

MSAM 2026 | STADIUM MERDEKA, KUALA LUMPUR | 27–29 NOVEMBER 2026

TERMS AND CONDITIONS

1. This contest is open to visitors of Minggu Saham Amanah Malaysia 2026 ("MSAM 2026") who are Malaysian CITIZENS, aged 18 years and above, and have not been declared BANKRUPT under the Bankruptcy Act 1967. Employees of the Permodalan Nasional Berhad group of companies ("PNB" or the "Organiser"), any of PNB's Core (Investee companies in which PNB has more than a 10% shareholding or RM1 billion invested in them) and Strategic Investee Companies (Investee companies in which PNB and the unit trust funds hold a majority or single largest stake), their immediate family members, agents, representatives and contractors connected with MSAM 2026 are NOT ALLOWED to participate.

2. Participation is FREE and no participation fee will be charged.

3. The contest will be held at Stadium Merdeka, Kuala Lumpur ("MSAM 2026 Venue") during the following period ("Contest Period"):

No	Contest Category	Date	Time
a	HARIAN Lucky Visitor Contest	27–28 November 2026	9.00 a.m. – 11.00 p.m.
	HARIAN Lucky Visitor Contest	29 November 2026	9.00 a.m. – 3.00 p.m.
b	UTAMA Lucky Visitor Contest	27–28 November 2026	9.00 a.m. – 11.00 p.m.
	UTAMA Lucky Visitor Contest	29 November 2026	9.00 a.m. – 3.00 p.m.

4. To participate, a visitor must:
   - register at the MSAM 2026 Venue and receive a physical passport from Organiser;
   - visit the designated booths and collect the required stamps;
   - complete the details on the lucky draw coupon contained in the passport; and
   - hand the passport to the staff on duty to tear off the coupon, after which the participant must place it in the entry box provided before the applicable Contest Period closes.

5. Entries that are incomplete, illegible, late, damaged, altered, contain false particulars or do not meet the stamp requirements may be disqualified by the Organiser.

6. Winners will be selected through a physical coupon draw. The draw will be conducted by representatives of the Organiser and/or sponsoring companies and/or other relevant representatives, and witnessed and audited by an internal and/or external auditor. Winners are subject to background checks and verification by the Organiser.

7. The draws and winner verification are scheduled as follows:

Category	Date	Verification Time	Panel / Witnesses
HARIAN	27–28 November 2026	8.00 p.m.	MSAM Committee members; sponsoring company representatives; PNB/ASNB representative; internal/external auditor
HARIAN	29 November 2026	3.00 p.m.	MSAM Committee members; sponsoring company representatives; PNB/ASNB representative; internal/external auditor

Category	Date	Verification Time	Panel / Witnesses
UTAMA	29 November 2026	3.00 p.m.	MSAM Committee members; State Secretary/Deputy State Secretary/District Officer/Mayor; sponsoring company representatives; PNB/ASNB representative; internal/external auditor

8. Prizes offered in this contest include, but are not limited to, the following, subject to change:

Category	Prizes
HARIAN	Cars, motorcycles, smartphones, televisions, tablets, electrical appliances and other prizes determined by the Organiser.
UTAMA	A house, a car and a travel package.

9. Selected winners will be presented with their prizes on stage. Other winners may collect their prizes at the Contest Booth throughout MSAM 2026. Prize presentations are subject to the event schedule and confirmation by the Organiser.

10. For the HARIAN category, only entries received on the relevant day will be eligible for that day's draw and prizes. A visitor is eligible to win only ONE (1) prize throughout the Contest Period, unless otherwise determined by the Organiser.

11. Prizes are not exchangeable for cash, transferable or replaceable, except as determined by the Organiser.

12. Winners will be contacted through the telephone number and/or contact details stated on the entry coupon. A winner must provide reasonable documents or information for identity, eligibility and background verification.

13. Prizes must be claimed within the period and at the location specified by the Organiser. Any prize not claimed after that period will be deemed VOID.

14. Visitors who have been declared bankrupt under the Bankruptcy Act 1967 are not eligible to participate or win any prize. The Organiser reserves the right to cancel or withdraw any prize won by such an individual.

15. By participating, participants AGREE to allow the Organiser and/or MSAM 2026 sponsors to use the PERSONAL INFORMATION provided. The information will be stored and processed in accordance with the Personal Data Protection Act 2010, its applicable regulations, guidelines, orders and amendments, and other relevant laws, for contest administration, winner verification, market analysis, advertising, trade and/or publicity. Participants are not entitled to claim ownership of or compensation for such materials.

16. By participating, participants are deemed to have AGREED to comply with these terms and conditions. The Organiser reserves the right to change or amend any term or condition without prior notice, and participants agree to comply with such changes.

17. The decision of the Organiser and the draw panel is FINAL. No correspondence or other communication concerning the decision will be entertained. The Organiser reserves the right to cancel a win that breaches these terms and conditions and/or Malaysian law.

18. Participants and/or their next of kin shall be fully responsible and liable for any loss, untoward incident, injury, damage, claim or accident, including loss of life, arising from participation, claiming and/or using a prize, and agree to release the Organiser from liability to the extent permitted by law.

19. All transportation, accommodation, personal expenses, taxes, fees and/or other costs connected with participation and prize collection are the participant’s sole responsibility.

20. These terms and conditions prevail over any provision or representation relating to the contest in printed or electronic promotional materials.

21. This contest is governed by the laws of Malaysia.

22. If there is any discrepancy or conflict between the English and Bahasa Melayu versions, the English version shall prevail.